

02/02/1998

Syor tubuh koperasi keluarga

Noor MM

KAMPUNG GAJAH, Ahad - Umat Islam di negara ini perlu mengambil kesempatan sempena sambutan Aidilfitri tahun ini dengan menubuhkan koperasi keluarga untuk menjamin masa depan supaya lebih cemerlang di bidang sosioekonomi dan pendidikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Ainon Khairiyah Mohd Abbas, berkata kesempatan itu perlu digunakan sepenuhnya kerana kebanyakan ahli keluarga jauh dan dekat pulang berhari raya di kampung.

Katanya, daya usaha itu satu pendekatan positif ke arah meningkatkan bilangan koperasi yang berfungsi untuk kepentingan ramai dan secara tidak langsung memberi kesan yang baik kepada kerajaan.

Menurutnya, sudah pasti dalam sesebuah keluarga besar, terdapat tokoh politik, korporat dan pegawai tinggi kerajaan yang mampu mencetuskan idea bernas bagi mengumpulkan modal untuk menubuh dan menggerakkan aktiviti koperasi secara profesional.

"Saya yakin dengan komitmen yang tinggi dari seluruh keluarga mampu melahirkan koperasi dengan modal yang besar bagi merebut peluang dalam bidang keusahawanan dan perniagaan."

"Walaupun ia mempunyai risiko, dengan penyertaan individu berpengalaman perjalanannya dapat dikendalikan dengan sempurna," katanya ketika ditemui selepas menghadiri perhimpunan keluarga keturunan Mohamad Perak di Kampung Bandar Lama, di sini, semalam.

Hadir sama di majlis itu, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri, Raja Puan Sri Noora Ashikin Raja Abdullah.

Ainon Khairiyah berkata, perjumpaan keluarga setahun sekali tidak memadai dengan mengadakan jamuan, bermaaf-maafan dan beramah mesra sesama keluarga tanpa tujuan lebih mantap dan mempunyai kesan jangka panjang.

Menurutnya, penubuhan koperasi keluarga secara tidak langsung akan mengeratkan lagi ikatan kekeluargaan, sekali gus memupuk semangat kerjasama antara ahli.

Beliau yang juga Ketua Pergerakan Wanita Umno Perak turut menyarankan golongan wanita dalam keluarga menyahut seruan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya menjual sebahagian barangan kemas mereka untuk menyertai kegiatan menabung.

Katanya, usaha itu sebagai tanda prihatin keluarga berkenaan dalam usaha membantu meringankan beban kerajaan menangani kegawatan ekonomi ketika ini.

Sehubungan itu, beliau mempelawa mereka menyertai kempen menjual barangan kemas anjuran Wanita Umno Perak di Dewan St John Ambulans di Ipoh pada 10 Februari ini.

Menurutnya, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib akan melancarkan kempen itu yang dipercayai pertubuhan wanita pertama berbuat demikian di negara ini.

(END)